

Melihat realiti ekonomi Melayu

Oleh AZNAN BAKAR
(WARTAWAN UTUSAN)

DI MANA hakikat sebenar kedudukan ekonomi orang Melayu di negara ini? Walaupun pelbagai kajian dan angka diberikan untuk menunjukkan penguasaan mereka namun realitinya ia jauh ketinggalan berbanding kaum lain terutama Cina.

Biar apa pun kayu ukur yang digunakan untuk menyukat penguasaan ekonomi orang Melayu, pastinya tidak ada yang tepat kerana ia lebih menumpukan pada sektor tertentu tanpa melihatnya secara menyeluruh.

Setakat ini berdasarkan statistik kerajaan, Melayu hanya memegang 18.9 peratus ekuiti sahaja. Tetapi ia tidak bermakna 18.9 peratus orang Melayu di negara ini merupakan pemegang ekuiti tersebut kerana jumlah sebenar individu yang terbabit memegang ekuiti itu tentu jauh lebih rendah.

Sehubungan itu, tentunya tidak wajar bagi Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik untuk mempertikaikan angka tersebut sehingga mahukan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan bumi-putera dalam ekuiti ekonomi negara.

Keng Yaik dan kaum bukan Melayu lain tentu sedar bahawa ekonomi bukan berkisar sekitar pemilikan ekuiti sahaja. Mereka tentu tahu bahawa pembabit-an Melayu dalam bidang peruncitan, pendorongan dan perkhidmatan yang merupakan antara sektor penting da-

lam ekonomi negara jauh lebih kecil.

Walaupun angka sebenar pembabit-an Melayu dalam bidang itu tidak jelas namun daripada pandangan mata kasar sahaja kita sudah tahu di mana kedudukan Melayu terutama dalam bidang perniagaan terbabit.

Lihatlah siapa yang menguasai aktiviti peruncitan daripada yang sekecil-kecilnya hingga yang besar.

Begitu juga dengan pendorongan. Siapa yang kawal pengedaran barang-barang keperluan seperti gula dan beras? Kalaupun ada umat Melayu jumlah adalah terlalu kecil, dan sering tidak mampu bersaing dengan rakan mereka daripada kaum lain.

Tolak soal pemilikan ekuiti dan lihat di sekitar ibu negara. Jika semua bangunan dan premis milik bukan Melayu 'dicabut' dan tolak yang dimiliki oleh kerajaan dan agensinya, apa yang tinggal untuk orang Melayu?

Hanya kedai dan gerai makanan yang tidak seberapa itu pun separuh daripadanya mungkin milik warga Indonesia dan Thailand.

Sambutan Hari Raya baru-baru ini merupakan masa terbaik untuk melihat dan menilai realiti kedudukan ekonomi Melayu di Malaysia.

Dari sambutan itu kita tahu di mana duduknya Melayu dalam bidang perniagaan. Mereka tentunya bukan kuasa utama atau gergasi dalam bidang itu, tetapi tidak lebih daripada melukut di tepi gantang.

Walaupun setiap hari orang Melayu membelanjakan jutaan ringgit bagi membeli barang-barang keperluan dan

persiapan untuk Aidilfitri, namun hanya sejumlah kecil yang mengalir kepada peniaga Melayu.

Cuba tinjau di sekitar ibu negara. Di mana orang Melayu berbelanja kalau tidak di gedung dan kedai milik bukan Melayu.

Kalau benar Melayu menguasai kira-kira 20 peratus ekonomi di negara ini tentu terdapat sekurang-kurangnya beberapa peratus kedai dan gedung Melayu di Kuala Lumpur.

Tetapi hakikatnya, menjelang Hari Raya lalu, perniagaan milik Melayu hanya membabitkan gerai-gerai sementara di Jalan Masjid India dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Jika tidak ada gerai-gerai sementara ini yang mana untuk mendapatkannya pun bukan mudah, tentu tidak ada perniagaan milik Melayu yang menjual barangan keperluan untuk Hari Raya.

Sedangkan bangunan-bangunan kedai kekal dan gedung-gedung besar yang mencatatkan urus niaga mencecah jutaan ringgit sehari di musim perayaan ini tidak ada yang menjadi milik Melayu.

Itu di Kuala Lumpur yang mana komposisi penduduk Melayu dan bukan Melayu tidak banyak berbeza.

Senario yang sama juga berlaku di bandar-bandar kecil yang jauh di pedalaman yang kita hanya sekali-sekala sahaja mendengar namanya.

Walaupun penduduk di kawasan ini hampir 99.9 peratus Melayu tetapi yang menguasai perniagaan adalah kaum lain terutama Cina.

Pergilah ke pekan-pekan kecil seperti Kuala Nerang, Baling, Gua Musang dan

sebagainya lihat di mana orang Melayu membeli-belah untuk Hari Raya.

Sudah tentunya di kedai-kedai milik bukan Melayu yang menjual beraneka ragam barang keperluan umat Islam untuk menyambut Aidilfitri.

Peniaga Melayunya tetap ada, tetapi sama seperti di Kuala Lumpur. Mereka hanya mengisi gerai-gerai sementara di bazar-bazar Ramadan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Habis Ramadan dan Hari Raya lenyaplah peniaga-peniaga Melayu dan yang tinggal menguasai perniagaan runcit, pasar mini, bengkel motosikal, kedai barang binaan, barangan elektrik dan sebagainya adalah golongan bukan Melayu terutama Cina.

Walaupun kini bilangan peruncit Melayu telah bertambah namun angkanya boleh dibilang dengan jari. Jika benar penguasaan Melayu dalam bidang ekonomi kini dikatakan sudah besar, mengapa di kawasan yang dihuni hampir 100 peratus Melayu ekonomi terutama perniagaan tetap dikuasai bukan Melayu?

Lihatlah di mana Melayu yang menjadi penoreh getah di Baling dan Sik menjual getah mereka? Di mana pesawah-pesawah menjual padi mereka?

Jika dasar ekonomi yang sama rata diperjuangkan oleh Gerakan dan MCA, jangan nafikan realiti sebenar kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan perniagaan.

Walaupun ada Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, kedudukan Melayu masih jauh ketinggalan berbanding dengan orang Cina dalam banyak aspek.

Um - 30/10/2008